

CNS4091

U GB 16-11 00164 BH336

RAF

TERSERAH KEPADA MAHKAMAH UNTUK BERTINDAK BERSABIT SG PINANG/LIMBONGAN  
Mahathir - Perintah

KUALA LUMPUR, 16 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, terpujang kepada mahkamah sama ada mahu mengambil tindakan seterusnya berhubung tindakan Dewan Undangan Negeri Kelantan meneruskan upacara mengangkat sumpah dua orang anggota barunya hari ini walaupun perintah sementara menghalang upacara itu telah dikeluarkan mahkamah.

Perdana Menteri jenggan mengulas lanjut ketika ditanya pemberita selepas merasmikan Hari Keluarga Kebangsaan, di sini.

+Taktahu lah... saya tak faham banyak perkara undang-undang, jelias beliau.

Perintah sementara itu dikeluarkan Mahkamah Tinggi di sini, juga hari ini, bagi menghalang kedua-dua anggota baru dewan berkenaan, Haji Mahmud Yaakub dan Haji Samad Mamat, mengangkat sumpah jawatan.

Haji Mahmud dan Haji Samad masing-masing memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri Sungai Pinang dan Limbongan pada pilihan raya kecil pada 24 Ogos lepas. Mereka mengangkat sumpah di hadapan Speaker dewan itu, Haji Omar Mohamed pada permulaan sidang dewan pagi tadi. -- Lagi.

▼16/11/20-12MST

CNS4092

U GB 16-11 00106 BH337

RAH

Mahathir - Perintah 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Permohonan untuk mendapatkan perintah sementara itu dibuat bekas anggota Dewan Undangan Negeri di kedua-dua kawasan berkenaan iaitu Haji Nordin Salleh (Sungai Pinang) dan Haji Wan Mohamad Najib Wan Mohamad (Limbongan).

Pilihan raya kecil itu diadakan apabila Haji Nordin dan Haji Wan Mohamad Najib tersingkir dari pada keanggotaan dewan berikutan satu pindaan kepada Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Kelantan yang menyatakan bahawa seseorang anggota itu tuterlucaut keanggotaannya jika ia menyertai parti politik lain.

Mereka berdua menyertai UMNO setelah memenangi kerusi-kerusi berkenaan pada pilihan raya umum tahun lepas atas tiket Semangat 46. -- Bernama.

▼16/11/20-14MST